

17 MAY 2000

Isa-Teluk Kemang

KEMPEN BN LEBIH TERTUMPU KEPADA DUA FAKTOR

SEREMBAN, 17 Mei (Bernama) -- Kempen Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang akan lebih tertumpu kepada dua faktor iaitu mengunjungi para pengundi dan membuat ceramah secara berkelompok.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata ini kerana kedua-dua faktor itu didapati berkesan seperti yang dilakukan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang baru-baru ini.

"Cara ini difikirkan lebih sesuai berbanding membuat program yang besar," katanya ketika ditanya pemberita mengenai strategi BN menghadapi pilihan raya kecil itu di sini, hari ini. Terdahulu beliau mempengerusikan mesyuarat mingguan exco.

Penamaan calon pilihan raya kecil itu ialah pada 30 Mei dan pengundian pada 10 Jun. Pilihan raya itu diadakan ekoran kematian Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan S.A.Anpalagan dari BN pada 28 April lepas.

Pada pilihan raya umum lepas, Anpalagan menang dengan majoriti 9,942 undi untuk menewaskan N.Gobalakrishnan dari DAP.

Mohamed Isa, yang juga pengerusi BN negeri, berkata semua program parti komponen BN akan diselaraskan untuk kempen yang lebih mantap dan berkesan.

"Matlamat BN ialah bukan sekadar menang pilihan raya tetapi mahu majoriti undi kemenangan melebihi daripada yang dicapai pada pilihan raya umum lepas," katanya.

Ketika ditanya siapa calon BN pada pilihan raya kecil itu, beliau berkata perkara itu diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu untuk menentukannya.

Apa yang penting ialah memastikan kemenangan BN jauh lebih baik daripada pilihan raya umum lepas kerana ia sebagai bukti rakyat memberi sokongan kepada kerajaan BN, katanya.

Mohamed Isa berkata jentera pilihan raya BN kini sudah bersiap sedia dan beliau yakin dengan kerjasama erat semua pihak, BN akan menang dan mendapat majoriti lebih besar berbanding pilihan raya umum lepas.

BN memenangi kerusi Parlimen Teluk Kemang sejak 1974 kecuali pada pilihan raya umum 1969 yang dimenangi DAP.

-- BERNAMA

RP NAK